KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA TEROKA TEKNOLOGI AI DAN SISTEM PENGANGKUTAN PINTAR DI KOREA SELATAN

GANGNEUNG, KOREA - Malaysia akan meneroka potensi penggunaan kecerdasan buatan (AI), analitik data raya dan teknologi kembar digital (Digital Twin) bagi memperkukuh sistem pengangkutan pintar (ITS) negara, khususnya dalam meningkatkan kecekapan pengurusan trafik, menangani kesesakan serta mempertingkat keselamatan pengguna jalan raya.

2. Usaha ini menjadi antara fokus utama lawatan kerja Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, yang akan mengetuai delegasi Malaysia ke Gangneung, Republik Korea, dari 17 hingga 21 Oktober 2026 bersempena Kongres Dunia ITS 2026.

3. Selaku Pengerusi Majlis ITS Malaysia, beliau dijadualkan menyertai Mesyuarat Meja Bulat Peringkat Tinggi pada 19 Oktober 2026 atas jemputan rasmi Kementerian Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan Republik Korea (MOLIT). Mesyuarat yang menghimpunkan menteri dan pemimpin antarabangsa itu menjadi wadah untuk berkongsi amalan terbaik, membincangkan hala tuju ITS serta memperkukuh kerjasama dalam pembangunan sistem pengangkutan yang cekap, selamat dan mampan.

4. Menurut beliau, penyertaan Malaysia memberi tumpuan kepada usaha mengenal pasti teknologi dan penyelesaian yang sesuai dengan keperluan negara serta berpotensi memberikan manfaat langsung kepada pengguna jalan raya.

5. "Kita mahu memanfaatkan kemajuan teknologi pengangkutan pintar untuk menangani cabaran sebenar rakyat, terutama kesesakan trafik, keselamatan perjalanan dan kecekapan pengurusan rangkaian jalan raya.

6. “Penerokaan AI, analitik data raya dan teknologi kembar digital perlu berpaksikan keperluan negara. Keutamaan kita ialah mengenal pasti penyelesaian yang praktikal, berkesan dan mampu meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat,” katanya.

7. Sepanjang lawatan, delegasi Malaysia turut dijadualkan mengadakan beberapa mesyuarat dan lawatan teknikal ke agensi tempatan di Gangneung bagi meneliti pelaksanaan ITS serta meneroka peluang kerjasama, perkongsian kepakaran dan pemindahan teknologi.

8. Pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh akan menjadi input kepada usaha memperkukuh perancangan, pengoperasian serta pengurusan infrastruktur jalan raya negara melalui penggunaan teknologi dan data.

9. Kongres Dunia ITS 2026 akan berlangsung dari 19 hingga 23 Oktober 2026 di Gangneung Olympic Park, Republik Korea. Kongres ini dijangka menghimpunkan sekitar 60,000 peserta dan 420 pempamer sebagai platform antarabangsa bagi perkongsian kepakaran, pameran inovasi serta penerokaan teknologi pengangkutan pintar.

10. Lawatan ini turut memperkukuh kerjasama Malaysia–Republik Korea dalam bidang teknologi dan infrastruktur, berteraskan hubungan diplomatik yang terjalin sejak 1960. Pada tahun 2025, perdagangan dua hala mencatatkan RM117.12 bilion (USD27.42 bilion), meningkat 6.8 peratus berbanding tahun 2024, sekali gus menyediakan asas kukuh untuk memperluas kerjasama strategik kedua-dua negara.

11. Kementerian Kerja Raya komited memastikan penerokaan teknologi dan kerjasama antarabangsa ini menyokong pembangunan rangkaian jalan raya yang lebih cekap, selamat dan mampan demi kesejahteraan rakyat.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
16 OKTOBER 2026

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#TangkasBertindak
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja